MODUL KIT SMART BERINTEGRASIKAN ELEMEN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN ABAD KE-21 KE ARAH PENINGKATAN KEMAHIRAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

MAIMUNAH BINTI AHMAD

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Doktor Falsafah Pendidikan

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

DISEMBER 2022

# DEDIKASI

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi*
*Maha Mengasihani,*
*Segala pujian di atas limpah dan kurnia Allah SWT Tuhan*
*seluruh alam,*
*Selawat dan salam atas junjungan Nabi Muhammad SAW*

*Dedikasi buat anak-anak tersayang,*
*Nur Sulriany Binti Sulaiman,*
*Hizami Bin Sulaiman*
*Muhammad Syafiq Bin Sulaiman.*

Penghargaan dan kasih sayang atas sokongan, perhatian dan doa anak-anak yang dititipkan sepanjang mama menyiapkan kajian ini. Semoga usaha murni ini menjadi motivasi kepada anak-anak, cucu-cucu turut berjaya di suatu hari nanti.

Jutaan terima kasih dan penghargaan buat penyelia saya;
Ts. Dr. Hasyamuddin Bin Othman,
Terima kasih atas bimbingan dan ilmu yang dicurahkan serta tunjuk ajar
kepada saya tanpa jemu dalam proses menyiapkan kajian ini.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan tesis Doktor Falsafah ini dengan jayanya walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Ts. Dr. Hasyamuddin Bin Othman atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dan kerjasama semasa proses menyiapkan tesis ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada pihak sekolah dan guru-guru SK Senggarang, Batu Pahat, Johor yang terlibat semasa kajian rintis bagi mengumpul data dan kajian sebenar dijalankan.

Penghargaan ini layak saya didekasikan kepada anak-anak yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang turut memberi bantuan dalam aspek teknikal sebelum tesis ini dicetak. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor atas sumbangan kemudahan asas untuk saya menyelesaikan tesis ini.

Sekian, Terima Kasih.

Maimunah Binti Ahmad,
Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn,
Batu Pahat, Johor

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# ABSTRAK

Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) dibangunkan untuk membantu guru meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) ke arah memupuk minat murid merujuk topik yang diajar. Kajian ini bertujuan membangunkan modul pengajaran sebagai ABBM ke arah meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa Melayu murid sekolah rendah. Modul ini dibangunkan merujuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2017 dan model reka bentuk ADDIE, mengandungi pengisian ABBM yang dipakejkan dalam bentuk Kit Pengajaran supaya mudah diakses dan digunapakai. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah gabungan kedua-dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif bagi tujuan pembangunan Modul Kit SMART dan pengujiannya. Bagi mendapatkan kesahan, kebolehpercayaan dan kebolehgunaan modul, kajian ini telah melibatkan lima orang pakar bidang. Pemilihan sampel secara persampelan bertujuan daripada sebuah sekolah rendah terdiri daripada 2 orang guru dan 95 orang murid Tahun 4. Data secara kuantitatif telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21 dan instrumen set pra-ujian dan pasca-ujian bagi mengukur tahap penguasaan kemahiran bahasa dan kognitif murid. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian kemahiran bertutur (berkomunikasi): dari 2.62% hingga 4.06%, mendengar: 1.83% hingga 4.43%, membaca: 2.34% hingga 3.55% dan menulis: 2.00% hingga 4.02%. Berdasarkan keputusan analisis empat kemahiran bahasa tersebut, kajian mendapati terdapat kesan yang signifikan terhadap tahap penguasaan kemahiran bahasa dalam kalangan murid, terutamanya bagi kumpulan rawatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan Modul Pengajaran membantu guru mengaplikasi pembelajaran dan pengajaran abad ke-21 dengan berkesan, mewujudkan kesan positif terhadap amalan pedagogi guru berpusatkan murid, berpusatkan bahan serta menggalakkan murid berinteraksi secara aktif. Oleh itu keberkesanan modul pengajaran dapat dilihat melalui peningkatan pencapaian bahasa dan penguasaan kemahiran berbahasa murid Tahun 4. Diharapkan Modul Kit SMART ini dilaksanakan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ke arah melahirkan insan berketerampilan berbahasa.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# ABSTRACT

Teaching Aids (ABBM) have been developed to help teachers improve the effectiveness of the teaching and learning process (PdPc) especially in fostering pupils' interest in the topics being taught. This study aims to develop a teaching module as ABBM towards improving the mastery of Malay language skills of primary school pupils. This module was developed with reference to the Primary School Standard Curriculum (KSSR) 2017 and the ADDIE design model. It contains ABBM content packaged in the form of a Teaching Kit which makes it easy to access and use. The research methodology used in this study is a combination of both qualitative and quantitative methods for the purpose of developing the SMART Kit Module and testing it. In order to attain the validity, reliability and usability of the module, this study has involved five experts in this specific field. The sample is chosen by purposive sampling from a primary school consisting of 2 teachers and 95 Year 4 pupils. Quantitative data is collected through a set of pre-test and post-test instruments set to measure the level of mastery of the pupils' language and cognitive skills, and analyzed using SPSS version 21 software . The findings of this study show the achievement as follow: speaking (communication) skills 2.62% to 4.06% listening: 1.83% to 4.43%, reading: 2.34% to 3.55% and 2.00% to 4.02% are recorded for writing skills: . Based on the results of the analysis of the four language skills, the study found that there is a significant effect on the level of mastery of language skills among students, especially for the treatment group. The results of the study show that the use of the Teaching Module helps teachers apply 21st century learning and teaching effectively, showing and creating positive effects on the teacher's pedagogical which are essential for the active learning process. Teachers can strengthen pupil-centered, material-centered pedagogic practices and encourage pupils to interact actively. Therefore, the effectiveness of the teaching module can be seen through the improvement of language achievement and mastery of language skills of Year 4 students. It is hoped that this SMART Kit Module will be implemented continuously in the process of teaching and learning Malay towards producing people with language skills.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| | **TAJUK** | **i** |
| | **DEKLARASI** | **ii** |
| | **DEDIKASI** | **iii** |
| | **PENGHARGAAN** | **iv** |
| | **ABSTRAK** | **v** |
| | **ABSTRACT** | **vi** |
| | **KANDUNGAN** | **vii** |
| | **SENARAI JADUAL** | **xii** |
| | **SENARAI RAJAH** | **xiv** |
| | **SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN** | **xv** |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | **xvi** |
| **BAB 1** | **PENDAHULUAN** | **1** |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 6 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 7 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 7 |
| | 1.6 Hipotesis Kajian | 8 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 9 |
| | 1.8 Skop Kajian | 9 |
| | 1.9 Batasan Kajian | 10 |
| | 1.10 Terminologi Istilah | 10 |
| | 1.10.1 Kit Pengajaran | 10 |
| | 1.10.2 Pembelajaran | 11 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 1.10.3 | Pengajaran | 11 |
| | 1.11 | Kerangka Konsep Kajian | | 12 |
| | | 1.11.1 | Penguasaan Bahasa Melayu | 13 |
| | | 1.11.2 | Elemen-elemen PAK21 | 13 |
| | 1.12 | Rumusan | | 14 |
| **BAB 2** | **KAJIAN LITERATUR** | | | **15** |
| | 2.1 | Pengenalan | | 15 |
| | 2.2 | Konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) | | 15 |
| | | 2.2.1 | Matlamat Pembelajaran PAK21 | 16 |
| | | 2.2.2 | Keberkesanan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21) | 17 |
| | 2.3 | Konsep Penilaian dalam PAK21 | | 22 |
| | | 2.3.1 | Domain Kognitif | 22 |
| | | 2.3.2 | Domain Afektif | 23 |
| | 2.4 | Teori-teori Pembelajaran | | 24 |
| | | 2.4.1 | Teori Pembelajaran Konstruktivisme | 24 |
| | | 2.4.2 | Teori Pembelajaran Kognitif | 25 |
| | | 2.4.3 | Teori Pembelajaran Abad 21 | 26 |
| | 2.5 | Penilaian Pembelajaran | | 27 |
| | | 2.5.1 | Kemahiran Bahasa | 28 |
| | 2.6 | Pendekatan PAK21 dalam Pengajaran | | 30 |
| | | 2.6.1 | Komunikasi | 36 |
| | | 2.6.2 | Kolaborasi | 37 |
| | | 2.6.3 | Pemikiran Kritis | 39 |
| | | 2.6.4 | Kreativiti | 40 |
| | 2.7 | Model ADDIE | | 41 |
| | 2.8 | Rumusan | | 43 |
| **BAB 3** | **METODOLOGI** | | | **44** |
| | 3.1 | Pengenalan | | 44 |
| | 3.2 | Reka bentuk Kajian | | 44 |
| | | 3.2.1 | Kumpulan Rawatan | 45 |
| | | 3.2.2 | Kumpulan Kawalan | 45 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3.3 | Pemilihan Responden Kajian | 47 |
| | 3.4 | Pemboleh ubah dalam Kajian | 48 |
| | 3.5 | Instrumen Kajian bagi Pengumpulan data | 49 |
| | | 3.5.1 Set Ujian Pra-Pasca | 51 |
| | | 3.5.2 Borang Pemerhatian Kecekapan Berbahasa | 52 |
| | | 3.5.3 Catatan Anekdot Secara Pemerhatian | 53 |
| | | 3.5.4 Set Soalan Temu bual Berstruktur | 54 |
| | 3.6 | Kajian Rintis | 55 |
| | | 3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Catatan Pemerhatian | 57 |
| | | 3.6.2 Kebolehgunaan Modul Pengajaran Bahasa Melayu | 57 |
| | | 3.6.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Set Ujian Pra-Pasca | 58 |
| | | 3.6.4 Tatacara Menjalankan Pemerhatian | 61 |
| | | 3.6.5 Tatacara Menjalankan Temu bual | 61 |
| | 3.7 | Penganalisisan Data Kajian | 62 |
| | 3.8 | Rumusan | 64 |
| **BAB 4** | **PENGHASILAN MODUL** | | **65** |
| | 4.1 | Pengenalan | 65 |
| | 4.2 | Fasa 1: Analisis Keperluan | 67 |
| | 4.3 | Fasa 2: Reka Bentuk Menentukan Objektif Khusus Pembelajaran | 70 |
| | 4.4 | Fasa 3: Pembangunan Modul, Isi Kandungan Modul | 73 |
| | | 4.4.1 Halaman Isi Kandungan | 73 |
| | | 4.4.2 Proses Memilih Objektif Modul dan Objektif Pembelajaran | 74 |
| | | 4.4.3 Memilih Strategi Pengajaran | 75 |
| | | 4.4.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul | 78 |
| | 4.5 | Fasa 4: Pelaksanaan Modul | 80 |
| | 4.6 | Fasa 5: Penilaian Modul | 81 |
| | 4.7 | Rumusan | 82 |
| **BAB 5** | **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN** | | **83** |
| | 5.1 | Pengenalan | 83 |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 5.2 | Data Demografi | 84 |
| | 5.3 | Analisis Data Utama | 84 |
| | | 5.3.1 Persoalan kajian 1 : Apakah elemen-elemen dalam penghasilan modul sebagai ABBM pengajaran Bahasa Melayu Tahun 4? | 85 |
| | | 5.3.2 Persoalan kajian 2: Apakah elemen-elemen dalam pembangunan modul sebagai ABBM pengajaran Bahasa Melayu murid Tahun 4? | 85 |
| | | 5.3.3 Persoalan kajian 3: Adakah modul yang dibangunkan dapat digunapakai sebagai ABBM bagi pengajaran Bahasa Melayu murid Tahun 4? | 86 |
| | | 5.3.4 Persoalan kajian 4: Apakah tahap penguasaan dalam aspek kemahiran bahasa Melayu murid Tahun 4 ? | 87 |
| | | 5.3.5 Persoalan kajian 5: Apakah tahap peningkatan penguasaan terhadap kemahiran Bahasa Melayu murid Tahun 4? | 87 |
| | | 5.3.6 Persoalan kajian 6: Apakah keberkesanan Modul Kit SMART murid Tahun 4 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan tahap pencapaian bahasa Melayu? | 91 |
| | 5.4 | Rumusan | 98 |
| **BAB 6** | **PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN** | | **99** |
| | 6.1 | Pengenalan | 99 |
| | 6.2 | Perbincangan Kajian | 99 |
| | | 6.2.1 Keperluan pembangunan Modul Kit SMART sebagai ABBM dalam pengajaran Bahasa Melayu Tahun 4 | 99 |
| | | 6.2.2 Kesahan pembangunan Modul Kit SMART sebagai ABBM dalam pengajaran Bahasa Melayu Tahun 4 | 100 |
| | | 6.2.3 Menilai Tahap Penguasaan Murid dari Aspek Kemahiran Bahasa Melayu | 101 |
| | | 6.2.4 Menilai Tahap Keseluruhan Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa bagi Murid Tahun 4 | 101 |
| | | 6.2.5 Menilai Tahap Peningkatan Penguasaan Murid Terhadap Kemahiran Bahasa Murid Tahun 4 | 102 |
| | 6.3 | Kesimpulan | 103 |
| | 6.4 | Implikasi Kajian | 104 |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 6.4.1 | Murid | 105 |
| | 6.4.2 | Guru | 106 |
| | 6.4.3 | Pentadbir dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) | 106 |
| 6.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | | 107 |
| 6.6 | Penutup | | 108 |
| **RUJUKAN** | | | **110** |
| **LAMPIRAN** | | | **121** |
| **VITA** | | | |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Pencapaian Calon UPSR Bahasa Melayu Pemahaman SK Senggarang | 4 |
| 2.1 | Definisi 4K | 34 |
| 2.2 | Ciri-ciri penguasaan berkesan kemahiran 4K | 35 |
| 3.1 | Konsep reka bentuk kajian eksperimen | 46 |
| 3.2 | Perbandingan pencapaian ujian pra-pasca kumpulan rawatan | 49 |
| 3.3 | Instrumen kajian | 50 |
| 3.4 | Pembaharuan Taksonomi Bloom Anderson dan Krathwol | 52 |
| 3.5 | Instrumen kajian yang akan melalui proses kajian rintis | 56 |
| 3.6 | Ringkasan Kaedah Analisis Kajian | 63 |
| 4.1 | Data Analisis Pemerhatian Amalan Pedagogi Guru | 67 |
| 4.2 | Senarai Topik Berserta Objektif Am dan Objektif Khusus | 71 |
| 4.3 | Objektif Pengajaran Mengikut Domain | 75 |
| 4.4 | Strategi Pengajaran dalam Modul | 75 |
| 4.5 | Alat Bantu Mengajar yang Disediakan Dalam Modul | 78 |
| 4.6 | Lantikan Pakar Penilaian Terhadap Modul | 78 |
| 4.7 | Rumusan pakar pembangunan modul | 79 |
| 5.1 | Jantina Peserta Kajian | 84 |
| 5.2 | Analisis Ujian Kemahiran Bahasa Melayu | 87 |
| 5.3 | Analisis ANOVA untuk ujian pra | 89 |
| 5.4 | Analisis ANOVA bagi Ujian-pasca Kemahiran Bahasa Melayu | 89 |
| 5.5 | Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Melayu bagi | |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | |
|---|---|---|
| | Kumpulan Rawatan dan Kawalan | 90 |
| 5.6 | Analisis Deskriptif Tahap Penguasaan Ujian -Pra Kemahiran Bahasa Melayu bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan | 91 |
| 5.7 | Analisis Deskriptif Tahap Penguasaan Ujian -Pasca Kemahiran Bahasa Melayu bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan | 92 |
| 5.8 | Analisis Ujian ANCOVA Perbezaan Min Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Ujian Pasca antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan kawalan | 93 |
| 5.9 | Analisis Ujian MANCOVA Min Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Ujian-Pasca antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan | 96 |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Konsep Kajian | 12 |
| 2.1 | PAK21 | 21 |
| 2.2 | Model Kirkpatrick | 27 |
| 2.3 | Elemen asas dalam Model ADDIE | 41 |
| 3.1 | Kerangka kerja pengujian dan proses-proses yang berkaitannya | 60 |
| 4.1 | Adaptasi model reka bentuk instruksional ADDIE dalam kajian | 66 |
| 4.2 | Halaman Utama Modul Kit SMART | 73 |
| 4.3 | Halaman Hadapan Unit 2 bagi Modul Kit SMART | 74 |
| 4.4 | Halaman hadapan unit 3 | 76 |
| 5.1 | Perbezaan Markah Ujian Pra, Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan rawatan | 88 |
| 5.2 | Min Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa, Pasca – Pra | 92 |
| 5.3 | Ilustrasi Ujian Mancova | 95 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| *4k* | - | Komunikasi, Kolaborasi, Kreativiti, Kritis |
| *KSSR* | - | Kurikulum Standard Sekolah Rendah |
| *DSKP* | - | Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran |
| *RPH* | - | Rancangan Pengajaran Harian |
| *KBAT* | - | Kemahiran berfikir Aras Tinggi |
| *JSU* | - | Jadual Spesikasi Ujian |
| *KR* | - | Kumpulan Rawatan |
| *KK* | - | Kumpulan Kawalan |
| *PB* | - | Pembelajaran Bahasa PAK 21 |
| *PT* | - | Pembelajaran Tradisional |
| *PdPc* | - | Pembelajaran dan Pengajaran |
| *IPG* | - | Institut Pendidikan Guru |
| *KPM* | - | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| *PPPM* | - | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| *PPD* | - | Pejabat Pendidikan Daerah |
| *JPN* | - | Jabatan Pendidikan Negeri |
| *UPSR* | - | Ujian Penilaian Sekolah Rendah |
| *ICT* | - | *Information Communication Technology* |
| *PAK21* | - | Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke 21 |
| *ABBM* | - | Alat Bahan Bantu Mengajar |
| *ANOVA* | - | *Univariate Analysis* |
| *ANCOVA* | - | *Convariance Analysis* |
| *MANCOVA* | - | *Multivariate Analysis of Variance* |

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI LAMPIRAN


| APPENDIK | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| A | Ujian Kemahiran Bahasa Tahun 4/2021 Bahasa Melayu | 121 |
| B | Taksonomi Bloom's (Aras kognitif) | 133 |
| C | Kajian Impak Pengajaran dan Pembelajaran (PAK21) | 134 |
| D | Kajian Impak Pengajaran dan Pembelajaran (PAK21) Kajian Rintis | 136 |
| E | Rancangan Pelajaran Harian Bahasa Melayu | 139 |
| F | Penilaian Pakar Kesahan Penghasilan Modul KIT SMART | 140 |
| G | Rumusan Pakar Kesahan Penghasilan Modul KIT SMART | 145 |
| H | Penilaian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Modul Pengajaran di Dalam Bilik Darjah | 147 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Pembelajaran abad ke 21 merupakan sebuah fenomena pendidikan paling *trending* di Malaysia pada hari ini. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) secara berperingkat-peringkat bermula daripada penyediaan keperluan fizikal bilik darjah abad 21 hingga mencapai proses pelaksanaannya. Menurut Berry (2011) seorang pengasas PAK 21 ada menyatakan bahawa pembelajaran abad ke-21 adalah “Pembelajaran yang memerlukan pelajar menguasai isi kandungan sambil menghasilkan, mensintesis (penyatuan atau pengabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber- sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza. Mereka diharapkan dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama serta celik digital selain mempunyai tanggungjawab sivik”. Situasi sedemikian menjadi satu tuntutan masa kini dalam membina generasi yang bersedia berhadapan cabaran global di masa akan datang.

Merujuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang digubal bermula 2017, membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa, boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian. Kurikulum ini ditambah baik dengan elemen-elemen PAK 21 sebagai teras pembelajaran yang diterjemahkan melalui aktiviti 4C ialah *Communication* (Komunikasi), *Collaboration* (Kolaborasi), *Creativity* (Kreativiti) dan *Critical Thinking* (pemikiran kritis) yang berfungsi mendorong murid semakin aktif dalam pembelajaran seharian serta digalakkan menggunakan teknologi terkini.

Konsep strategi PAK 21 adalah pembelajaran yang berpusatkan kepada murid, berpusatkan bahan dan aktiviti yang menekan pembelajaran secara kolaboratif, penyelesaian masalah, berasaskan projek, inkuiri dan koperatif serta

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

pembelajaran secara kontekstual (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Situasi ini selaras dengan pandangan Magno (2013) menyatakan bahawa peranan guru adalah memperkembang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), menggunakan sumber pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan etika, mentafsir dan menilai pencapaian murid serta membina hubungan dengan pemegang polisi pendidikan.

Seterusnya dilihat daripada hasrat utama PAK 21 adalah melahirkan murid yang bersikap lebih matang dalam cara berfikir bagi menyelesaikan masalah, untuk mendapat maklumat dan idea daripada guru, bersama rakan atau sumber-sumber lain yang amat berguna seterusnya membolehkan murid lebih bersifat *critical thinking* dalam apa jua keadaan. Hasrat ini bertepatan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) telah menggariskan enam aspirasi murid iaitu berpengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi-bahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Umpamanya dalam proses pembelajaran PAK 21 aspek kemahiran dwibahasa, murid diajar bijak berkomunikasi, menjana idea baharu bagi menjamin murid dapat berkomunikasi secara mampan. Usaha ini bertujuan untuk mencapai matlamat PAK 21 iaitu mewujudkan masyarakat yang inovatif dan kreatif, berdaya saing dan juga bersedia menghadapi cabaran dalam era pendidikan moden (Baharuddin *et al.*, 2015).

Selaras dengan PdPc berpusatkan bahan, penggunaan bahan atau alat bahan bantu mengajar (ABBM) dalam pengajaran adalah bergantung kepada inovasi dan kreativiti seseorang guru. Seorang guru yang berjiwa inovatif berupaya untuk menghasilkan sebuah bahan pengajaran yang efektif (berkesan) dan menarik serta mempunyai elemen yang mampu menarik minat murid untuk mengikuti pelajaran yang disampaikan. Contohnya penggunaan bahan pengajaran yang berwarna warni, audio-visual yang jelas mampu menarik minat murid sekolah rendah untuk menggunakan bahan tersebut. Selain itu, fungsi penggunaan ABBM dapat membantu guru-guru Bahasa Melayu menerangkan sesuatu perkara dan konsep isi kandungan pembelajaran dengan lebih tepat berbanding penerangan secara lisan (Azman,Azli *et al.*, 2014). Murid dapat mengingat melalui penggunaan bahan bantu mengajar yang melibatkan gambar dan visual (M. Abdullah et al., 2015).

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.2 Latar belakang Masalah

Penguasaan dan kecekapan kemahiran berbahasa merupakan matlamat pengajaran bahasa di sekolah. Bagi mencapai penguasaan bahasa pada tahap yang paling tinggi guru harus memberi penekanan yang sama rata terhadap tiga kemahiran bahasa, iaitu mendengar dan bertutur (lisan), membaca dan menulis. Walau bagaimanapun masih terdapat sebilangan besar murid di sekolah rendah tidak menguasai tiga kemahiran berbahasa dengan baik, akhirnya menjejaskan prestasi pencapaian peperiksaan mereka. Pernyataan kelemahan murid menguasai kemahiran berbahasa dapat dilihat dalam kajian Jalaluddin, Kasdan & Ahmad (2010) ada menyatakan bahawa penguasaan kemahiran bertutur murid di sekolah rendah yang agak lemah dan kurang memuaskan seterusnya memberikan kesan kemahiran berbahasa yang lain.

Seterusnya, pentaksiran lisan berasaskan sekolah (PLBS) dilaksanakan bertujuan mengukur tahap penguasaan Bahasa Melayu bagi meningkatkan ilmu, kemahiran, dan kompetensi seseorang murid. Pentaksiran ini dilakukan untuk membantu dan memantapkan kemahiran berkomunikasi murid (Rahman & Kiram, 2015). Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini, kelemahan penguasaan bahasa dilihat daripada kaedah pengajaran guru. Kaedah pengajaran konvensional seperti *chalk and talk* masih meluas digunakan seperti yang dinyatakan oleh Abdullah, Zaini, Ab Latif, Ihsan, Ku Azizan, Wan Ngah, Mansor & Naqibah (2018). Peranan guru dalam pengajaran dapat dilihat pernyataan dalam kajian Carlgen (2013) iaitu guru menjadi faktor menyumbang kepada kelemahan murid dalam menguasai kemahiran seperti komunikasi, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah. Kelemahan ini dapat diatasi sekiranya guru dapat memotivasikan murid berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kelemahan penguasaan kemahiran berbahasa adalah bermula dengan penguasaan tatabahasa yang baik dapat membantu murid menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Kelemahan murid menguasai kemahiran Bahasa Melayu dapat di rujuk keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Bahasa Melayu daerah Batu Pahat bagi tahun 2017 dan 2018. Pencapaian keputusan calon UPSR SK Senggarang bagi Bahasa Melayu Pemahaman dijelaskan dalam Jadual 1.1;

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Jadual 1.1: Pencapaian Calon UPSR Bahasa Melayu Pemahaman SK Senggarang (Unit Peperiksaan, Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat, 2017)

| Tahun | Gred | | Jumlah Gred |
|---|---|---|---|
| | A | B | A+B |
| 2017 | 12 calon (13.48%) | 38 calon (42.70%) | 50 calon (56.18%) |
| 2018 | 23 (23.96%) | 32 calon (33.33%) | 55 calon (57.29%) |

Pencapaian keseluruhan mata pelajaran Bahasa Melayu Pemahaman, murid yang memperoleh gred A dan B iaitu 56.18% (2017) dan 57.29% (2018), pencapaian ini masih di tahap sederhana. Pencapaian ini wujud mungkin disebabkan sikap murid atau pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) di mana murid diterapkan dengan pembelajaran berasaskan 3 M (Membaca, Menulis, Mengingat). Kelemahan KBSR adalah murid tidak dibenarkan bercakap semasa proses PdPc menyebabkan murid pasif, tidak fokus dalam bilik darjah, murid jadi malas, hanya menunggu sahaja maklumat disuap ke dalam minda mereka dikenali dengan istilah *spoon feeding*. Akhirnya wujud murid yang tiada berdaya saing (Abdullah & Daud, 2018).

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu pentingnya usaha untuk meningkat penguasaan Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dapat dilihat daripada pernyataan berikut. Kegagalan Program KIA2M (Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis), diikuti Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang telah dicadangkan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 15 Januari 2010. Program-program tersebut secara dasarnya memberi penekanan kepada literasi Bahasa Melayu, iaitu lisan, bacaan dan tulisan serta ditambah dengan kemahiran asas kiraan serta memahami idea matematik yang mudah berpandukan modul khas iaitu Modul LINUS. Oleh itu diharapkan kegagalan program tersebut dapat diperbaiki dengan merancang aktiviti pengajaran yang menarik dan kondusif oleh guru.

Selain itu, suasana pembelajaran yang selesa dan dorongan daripada guru melalui penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) agar dapat mewujudkan motivasi dan menanamkan minat murid agar terus belajar. Contohnya, penyediaan bahan yang bersesuaian dengan kebolehan dan penguasaan membaca murid dapat menjadikan suasana aktiviti membaca menjadi berkesan dan bermakna kepada murid (Jamian, 2011). Seterusnya diikuti aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru meliputi prinsip, teknik dan proses pengajaran. Pembelajaran

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

murid perlu dijalankan secara bermakna melalui pendekatan *learning by doing* di mana murid dirangsang berfikir dan membina kefahaman mereka (Ariffin & Yunus, 2017). Pernyataan ini diambilkira daripada pandangan Salehudin, Hassan, dan Hamid (2015) di mana proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematik, menarik dan sesuai mampu menggerakkan murid untuk melibatkan diri secara aktif serta mengekalkan motivasi mereka sepanjang pembelajaran berlangsung.

Oleh itu, situasi ini menggambarkan perkembangan bahasa kanak-kanak akan bermula dengan kemahiran mendengar dan bertutur (lisan) diikuti dengan membaca dan akhirnya menulis. Akhirnya, usaha memartabatkan Bahasa Melayu hanya boleh dicapai jika setiap individu menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan baik (Nahar & Abd.Rahman, 2018). Menurut kajian Rahman dan Kiram (2015), kemahiran mendengar merupakan satu proses penerimaan yang sangat penting dan perlu untuk dipelajari secara mendalam semasa sesi pembelajaran berlaku. Buktinya, tahap penguasaan kemahiran berbahasa murid menggunakan bahasa Melayu di Malaysia masih lemah dan kurang memuaskan (Abd Rahman & Fadzilah (2018); Mahamod *et al.*, 2016).

Selain itu, kelemahan murid dalam pencapaian UPSR menuntut guru mempelbagaikan strategi PdPc dan mengaplikasikannya dalam pembelajaran termasuk kemahiran mendengar dan bertutur (lisan), membaca dan menulis, terutamanya untuk menghadapi peperiksaan (Mahamod, 2015). Kenyataan ini selari dengan pandangan kajian Ali & Othman (2018) yang menyatakan masalah tatabahasa dan kosa kata yang terhad menyebabkan murid tidak dapat menghuraikan idea dengan baik bahkan menggunakan perkataan daripada bahasa ibunda untuk melahirkan idea dalam kemahiran berbahasa dan penulisan. Tambahan pula terdapat suara golonngan pendidik yang seringkali berhadapan dengan cabaran murid yang tidak berminat mempelajari Bahasa Melayu.

Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bertujuan memperkenalkan satu kaedah PdPc berorientasikan elemen-elemen PAK 21 ke arah meningkatkan penguasaan bahasa murid sekolah rendah menggunakan modul pengajaran. Modul pengajaran ini mengandungi pelbagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) selaras dengan perkembangan inovasi pendidikan masa kini. Adalah diharapkan modul ini dapat merangsang minda murid berkomunikasi, berkolaboratif, menjana idea ke arah pemikiran kritis dan kreatif, dapat membuat keputusan seterusnya dapat menyelesaikan masalah berdasarkan bahan rangsangan yang disediakan dalam

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

modul. Pengaplikasian modul ini diharapkan hasil pembelajaran bertepatan dengan matlamat PAK 21, murid menguasai kemahiran berbahasa tidak seharusnya mencapai proses pertuturan yang baik sahaja tetapi merangkumi penguasaan pengetahuan dan kecekapan berbahasa dalam struktur yang standard.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Tahap penguasaan kemahiran berbahasa murid menggunakan bahasa Melayu di Malaysia masih lemah dan kurang memuaskan merujuk hasil kajian oleh Abd Rahman & Fadzilah (2018). Permasalahan ini berlaku adalah disebabkan kaedah pengajaran konvensional yang masih meluas digunakan (Abdullah *et al.,* 2018). Diikuti, kelemahan murid dalam penguasaan berbahasa berpunca gagalnya guru memotivasi murid berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan (Roth *et al.*, 2020).

Kelemahan penguasaan bahasa ini seterusnya dapat dilihat daripada pandangan Layang & Jamaludin (2018) dan Hushaini, Osman, & Sarudin (2020) ada menyatakan bahawa guru bermasalah dalam mengamalkan pengajaran yang berkesan dalam pengajaran literasi bahasa. Umpamanya, aspek penyampaian isi pelajaran dalam proses PdPc seharusnya diatasi melalui pelbagai aktiviti yang relevan, tidak seperti guru pada era sebelum ini tertumpu sebagai penyampai ilmu sahaja. Oleh itu sebaiknya peranan guru lebih inovatif, kreatif dan efektif dalam penyampaiannya serta memikirkan pendekatan baru untuk mengadaptasikan amalan mereka. Kekurangan keberkesanan kaedah pengajaran, membuktikan kemahiran lisan merupakan kemahiran berbahasa yang mempunyai tahap penguasaan yang agak rendah menurut pandangan (Jamian *et al.*, 2013).

Kelemahan penguasaan kemahiran berbahasa dapat dikesan daripada pertuturan murid. Umpamanya, jika diberi peluang memberi pendapat, suara yang dilontarkan tersekat-sekat dengan idea yang terbatas. Oleh itu pengkaji bersetuju dengan pandangan Taib & Hamid (2014) kaedah pengajaran perancahan dapat membantu proses pembelajaran kemahiran berbahasa murid. Kaedah perancahan menggunakan teknik akronim SMART membolehkan murid mengembangkan idea dengan lebih tersusun, jelas dan menarik. Dalam kajian ini pengkaji menghasilkan ABBM yang disusun sebagai Modul Kit SMART (S=story/ bercerita), M= mesej/ maklumat, A= amalan/ idea, R= ramalan/ pridection, T= task / bahan rangsangan).

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

